



[Home](#) / [2024](#) / [September](#) /

Kunjungan Hormat UiTM ke Pejabat MB Johor: Mengukuhkan Kerjasama Strategik untuk Pemeraksanaan Mahasiswa

GRU2025

02/09/2024 / Hasrol Jono



28 Ogos 2024: Petang ini, telah berlangsung satu kunjungan hormat oleh delegasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor ke Pejabat YAB Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi. Delegasi UiTM diketuai oleh YBrs. Prof. Ts. Sr. Dr. Md Yusof Hamid, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), dan Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor.

Turut hadir dalam kunjungan ini ialah Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Mohammad Noor Jalil, Pengarah Pembangunan Pelajar, Pejabat TNC HEP, dan Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Pengarah Pusat Kokurikulum, Pejabat TNC HEP. Kesemua barisan JKEN UiTM Cawangan Johor serta beberapa pegawai berkaitan turut serta.



Kunjungan ini memberi fokus kepada pembentangan usahasama strategik antara UiTM dan Kerajaan Negeri Johor, dengan penekanan kepada pemeraksanaan mahasiswa serta penawaran kepakaran dan impak UiTM kepada kerajaan negeri. Diharapkan kunjungan ini akan membentuk hubungan yang proaktif dan mengukuhkan kerjasama sedia ada, serta membuka peluang baru demi kepentingan bersama.

Pelbagai perkara telah dibincangkan dan diperincikan, dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak Bangsa Johor dan merangka strategi bagi memperluas peluang kerjaya yang sejajar dengan pembangunan JS-SEZ, yang bakal menjadi pemangkin kejayaan Maju Johor 2030.

Semoga inisiatif ini menjadi langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan antara UiTM dan Kerajaan Negeri Johor serta memajukan lagi pendidikan tinggi di negeri ini.



Penulis : Dr. Saunah Zainon, Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono

Penulis Bersama : Profesor Dr. Hj. Mohd. Sazili Shahibi, Nor Azlin Rosli, Mohd Shukor Abd Rahman, Dr. Basharudin Abdul Hadi

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: kerajaan negeri johor, kunjungan hormat uitm ke pejabat mb johor, uitm cawangan johor, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

< Program SULAM – Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan bersama PPDK Ikatan Kasih

Bengkel Imaginasi Seni bersama Pelajar SK Puncak Perdana >

QUICK LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar
Intake Calendar
Graduate Quick Search
Library
UiTM Holdings
WiFi UiTM

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

